

NO. SOALAN: 07

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 25 MAC 2014 (SELASA)

SOALAN :

TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan membina bangunan mahkamah baru yang lebih baik dan selesa di Jerantut.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Selain daripada projek-projek pembinaan Mahkamah Baru di ibu-ibu negeri yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan bilangan kes yang banyak, Kerajaan turut memberi tumpuan kepada usaha untuk menyediakan Mahkamah-Mahkamah Sesyen dan Majistret yang mencukupi di daerah-daerah seluruh negara.
2. Antara faktor penting yang diberi perhatian dalam menyusun senarai keutamaan projek-projek ini adalah peningkatan bilangan kes di sesuatu daerah atau keadaan fizikal bangunan Mahkamah sedia ada yang tidak kondusif.
3. Dalam hal ini, Kerajaan telah mengenalpasti wujudnya keperluan untuk membangunkan mahkamah-mahkamah baru di beberapa daerah di seluruh negara, termasuklah Mahkamah Majistret Jerantut yang pada masa ini beroperasi di bangunan Pejabat Daerah Jerantut.
4. Sukacita dimaklumkan bahawa rancangan pembinaan Mahkamah baru Jerantut sememangnya diberi keutamaan dalam permohonan-permohonan projek pembangunan mahkamah baru, namun terdapat keperluan yang perlu diberi perhatian segera untuk dilaksanakan projek pembangunan mahkamah di beberapa mahkamah lain terlebih dahulu.

Sekian, terima kasih.